

# Mahkamah Tinggi tolak permohonan Muhyiddin

BH - 27/11/2021 m/s: 19

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi semalam menolak permohonan Tan Sri Muhyiddin Yassin mendapatkan perintah injuksi interim bagi menghalang Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, menerbitkan semula kenyataan fitnah membabitkan bekas Perdana Menteri itu berhubung perintah kuarantin di akaun Facebook miliknya.

Hakim Datuk Seri Mohd Firuz Jaffril, turut menolak permohonan Mohd Puad mengetepikan perintah injuksi interim sebelah pihak (ex-parte) yang diperoleh Muhyiddin pada 1 Mac lalu berhubung perkara sama.

Mohd Firuz membuat keputusan itu dengan mengambil maklum bahawa Mohd Puad sudah mematuhi perintah injuksi interim ex-parte dengan memadamkan kenyataan dipertikaikan itu daripada laman Facebooknya.

“Namun begitu, ini bukan pengakhiran buat defendan (Mohd Puad) sekiranya defendan berjaya dalam perbicaraan kelak.

“Akhir sekali, kenyat-

aan dipertikaikan itu sudah diturunkan. Dalam keadaan ini, saya tidak cenderung membenarkan permohonan interim injuksi,” katanya.

Dalam writ saman difailkan atas kapasiti peribadi, Muhyiddin mendakwa pada 9 Februari lalu, Mohd Puad menerbitkan suatu hantaran di laman Facebooknya di bawah nama “DrPuad Zarkashi” bertajuk ‘Kuarantin pun ada dua darjat?’.

Muhyiddin turut mendakwa hantaran itu merujuk kepada “PM” iaitu singkatan perdana menteri, selain mendakwa hantaran itu mengandungi penyataan jelas sekali tidak benar, tidak wajar, tidak berasas dan jahat terhadap plaintif serta memfitnahnya.

Muhyiddin mendakwa perkaatan fitnah membawa maksud plaintif dan rombongan enggan dikuarantin selama 10 hari selepas mereka pulang dari lawatan rasmi ke Jakarta, Indonesia, sedangkan semua sedang menjalani kuarantin pada masa terbabit.



Mohd Puad Zarkashi